

P . I . N . T . A . R
PENERAPAN STELLAR KE DALAM PAKEJ PENGAJARAN
BUKU BESAR MEKAR

Khairunnisa Mohd Isa
Sekolah Rendah Xishan
Pusat Bahasa Melayu Singapura
13 Bishan Street 11, Singapore 579782
khairunnisa_mohd_isa@moe.edu.sg

ABSTRAK

STELLAR, Strategies for **T**eaching **E**nglish **L**anguage **L**earning **A**nd **R**eading ialah hasil sebuah kajian pembelajaran yang telah terbukti efektif di dalam pembelajaran bahasa Inggeris. Penerapan STELLAR ke dalam pembelajaran buku besar MEKAR diharapkan dapat menjadikan pembelajaran bahasa Melayu lebih aktif, menyeronokkan dan berkesan terutama sekali bagi pelajar-pelajar peringkat darjah 1 dan 2. Aktiviti-aktiviti dilakarkan berdasarkan kemahiran pelbagai (Multiple Intelligences) bagi melahirkan murid PINTAR. Akronim PINTAR bermaksud **P**roduktif – Murid terangsang untuk memberi respons secara spontan, **I**novatif – Murid bersifat inovatif dan kreatif dalam memberi andaian dan idea, **N**adi Jati – Murid berpegang pada nilai-nilai murni SEL, **T**ampil Yakin – Murid bertutur dengan konfiden, **A**ktif – Murid harus giat berusaha dan **R**eflektif – Murid sentiasa membuat refleksi diri bagi setiap pembelajaran. Pakej **PINTAR** ini diharapkan dapat menambah nilai bahan pembelajaran MEKAR yang sedia ada. Pakej ini juga bersesuaian dengan tuntutan ujian holistik (*Holistic Assessment*) bagi murid peringkat rendah dengan adanya penggunaan bahan-bahan seperti senarai semak antara murid, rubrik dan borang anekdotal untuk memberi maklum balas tentang kemahiran seseorang murid bagi setiap pembelajaran.

Kata Kunci: *STELLAR, Kemahiran Membaca, Buku Besar, Penilaian*

1. PENGENALAN

P.I.N.T.A.R bertujuan untuk menanam minat membaca sekaligus mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu murid. Akronim P.I.N.T.A.R bermaksud P – Produktif, I – Inovatif, N – Nadi Jati, T – Tampil Yakin, A – Aktif dan R – Reflektif. Elemen-elemen P.I.N.T.A.R ini saling melengkapi dalam membina sikap positif untuk menjadi seorang pelajar yang pintar iaitu serba boleh dalam segala hal. Lihat Rajah 1.

Rajah 1: PINTAR



1.1 Matlamat P.I.N.T.A.R

P.I.N.T.A.R ialah sebuah pakej pengajaran-pembelajaran yang dihasilkan bagi murid-murid peringkat darjah satu dan dua. Matlamat P.I.N.T.A.R ialah untuk melahirkan murid yang memiliki ciri-ciri P.I.N.T.A.R.

Jadual 1: P.I.N.T.A. R.

<i>P</i>	<i>I</i>	<i>N</i>	<i>T</i>	<i>A</i>	<i>R</i>
<i>Produktif</i>	<i>Inovatif</i>	<i>Nadi Jati</i>	<i>Tampil Yakin</i>	<i>Aktif</i>	<i>Reflektif</i>
Murid terangsang untuk memberi respons.	Murid bersifat inovatif dan kreatif dalam memberi andaian	Murid berpegang pada nilai-nilai murni (SEL)	Murid bertutur dengan konfiden	Murid harus giat berusaha dan sentiasa bertenaga.	Murid membuat refleksi diri pada tiap akhir pembelajaran.

Bahan utama yang digunakan ialah buku besar yang telah disediakan oleh CPDD-MOE. Kami menerapkan beberapa elemen STELLAR seperti SBA, MLEA dan aktiviti-aktiviti dirancang menggunakan Kecerdasan Pelbagai oleh Howard Gardner. Rancangan pengajaran bagi buku besar MEKAR memang sudah disediakan oleh pihak CPDD. Namun, rancangan perancangan ini dirancang kembali secara terperinci. Terdapat empat rancangan pengajaran yang padat bagi satu buku besar. Empat rancangan pengajaran ini akan merangkumi pembelajaran SBA1, Mari Meneroka, SBA2 dan Mari Menguasai Bahasa.

Pendekatan SBA1 merupakan proses mengenalkan murid kepada buku besar yang digunakan. Fokus SBA1, untuk guru mengenalkan tajuk dan kandungan cerita. Guru akan membaca dan murid lebih kepada mendengar dan memberi respons.

Mari Meneroka membawa murid mengalami pembelajaran di luar darjah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan berkaitan dengan tema buku besar yang dibaca. Murid digalakkan untuk belajar melalui pengalaman.

Pendekatan SBA2 pula merupakan proses murid membaca secara sendiri. Murid sudah didedahkan kepada tajuk dan kandungan buku besar yang dibaca melalui proses SBA1. Murid akan dapat memimik gaya dan cara cikgu membaca. Guru hanya menjadi pemerhati dan fasilitator kepada murid.

Mari Menguasai Bahasa merupakan proses yang terakhir. Proses ini menyentuh bahagian-bahagian bahasa yang terdapat di dalam cerita seperti tanda baca, kata tanya dan sebagainya.

2. TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan penerapan **STELLAR** dalam pengajaran dan pembelajaran membaca buku besar dalam kalangan murid.

3. KAJIAN LEPAS

Melalui buku '*Primary Grade Children- Learning English as Speakers of Other Languages in Hong Kong*' yang dihasilkan Ng Seok Moi dan Claudia Sullivan pada tahun 2008 menunjukkan keberkesanan pendekatan **STELLAR** di dalam bahasa Inggeris. Program ini dikaji dan melalui pemantauan bertahap dan pengubah suaian serta pembaikan daripada bentuk isi dan juga bahasa. Asalnya, **STELLAR** ini bermula daripada terhasilnya **Reading and English Acquisition Program (REAP)** pada tahun 1965.

Reading and English Acquisition Program (REAP) merupakan di antara beberapa program bacaan yang mula-mula diperkenalkan di sekolah-sekolah rendah. Program ini bertujuan untuk memperbaiki pembelajaran bahasa dan menanamkan sifat-sifat positif.

Program ini banyak menerapkan elemen-elemen yang kini didapati di dalam **STELLAR** seperti **Shared Book Approach (SBA)** dan **Language Experience Approaches (LEA)**. Program **REAP** ini kemudiannya diperbaik untuk disesuaikan dengan keadaan pembelajaran yang lebih baik.

Program yang telah diperbaik ini kemudiannya dicuba uji di sekolah-sekolah di Hong Kong dengan pantauan bagi urusan kajian. Ternyata, program ini membantu pelajar-pelajar yang bukan penutur Inggeris menguasai Bahasa Inggeris. Program yang dinamakan **Integrated English Language Program (IELP)** ini juga berjaya menarik minat pelajar-pelajar melalui aktiviti-aktiviti yang merangsang murid untuk melibatkan diri secara aktif dan sesi amali. Melalui pemantauan yang dibuat, program ini berjaya menekankan kepada pelajar tentang kepentingan untuk menguasai kemahiran bahasa itu.

Program **IELP** ini seterusnya dikaji semula dan diperbaiki mengikut konteks pembelajaran di Singapura. Akhirnya, program ini diterapkan di dalam pembelajaran pelajar di sekolah dengan pembaharuan yang dibuat berdasarkan pemantauan dan kajian yang berterusan. Program yang kini dinamakan **STELLAR** iaitu **Strategies for Teaching English Language Learning And Reading** menerapkan prinsip-prinsip seperti yang berikut:

- Pelajar dapat berfikir dan bercakap tentang perkara/situasi yang pernah mereka alami.
- Pelajar dapat meluahkan perasaan melalui lukisan dan penulisan
- Pemikiran pelajar yang dihasilkan melalui lukisan mahupun penulisan dapat diterima golongan pembaca yang lain.
- Pelajar dapat membaca apa yang ditulis oleh mereka mahupun orang lain contohnya guru.

Melihat keberkesanan **STELLAR** di dalam bahasa Inggeris, kami terangsang untuk menggunakan ciri-ciri dan prinsip **STELLAR** untuk diterapkan di dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

4. KAEDAH KAJIAN

4.1 Bagaimana Pembelajaran **P.I.N.T.A.R** berlaku di bilik darjah?

Pembelajaran **P.I.N.T.A.R** bermula dengan proses pramembaca. Guru menggunakan bahan-bahan yang bersesuaian dengan tema cerita seperti video sebagai induksi kepada buku besar yang akan dibaca. Melalui video ini, murid dapat meneka tema atau jalan cerita yang bakal mereka baca.

Ada bahan-bahan ini yang berbentuk autentik. Guru dengan kerjasama murid menghasilkan video yang bersesuaian dengan tema cerita supaya dapat dijadikan bahan induksi dan penutup untuk pembelajaran di dalam bilik darjah. Antara nilai yang ingin disemai adalah diharapkan murid-murid dapat membina keyakinan diri dan terangsang untuk menonjolkan bakat lakonan mahupun nyanyian mereka apabila menonton video ini.

Guru kemudian menggunakan kaedah SBA1 untuk membacakan cerita kepada murid. Guru menggunakan frasa-frasa rangsangan yang boleh merangsang minda murid untuk bertanya dan berbincang bagi mengetahui lebih dalam mengenai isi kandungan buku besar itu. Murid-murid dirangsang untuk berfikir secara kreatif dan kritikal. Murid-murid diajar agar menjadi lebih *produktif* dalam memberi pendapat dan respons kepada setiap perbincangan kelas.

Di dalam SBA1, guru mengikut rancangan pengajaran yang telah dikemas kini dan diperbaiki. Guru harus memastikan guru menghabiskan bacaan bagi buku besar itu. Setelah murid melalui proses SBA1, murid-murid akan dibawa untuk Mari Meneroka.

Aktiviti Mari Meneroka ini membawa murid untuk mengalami pembelajaran luar darjah. Aktiviti ini dirancang bertemakan kepada isi cerita buku besar yang dibaca. Murid-murid bergerak dan belajar secara *aktif* melalui pengalaman. Melalui aktiviti ini juga, murid dapat memberi andaian secara kreatif dan *inovatif*. Dengan mengalami sendiri dan meneroka alam semula jadi, murid-murid akan lebih teruja untuk belajar. Pada setiap akhir aktiviti Mari Meneroka, murid diajak untuk membuat refleksi. Murid-murid perlu bersikap *reflektif* terhadap setiap perbuatan dan pengalaman mereka.


Kini, murid lebih bersedia untuk melalui pembelajaran SBA2. Murid sudah mendengar cerita guru. Murid juga sudah mengetahui lebih lanjut mengenai tema buku besar yang dibaca melalui aktiviti Mari Meneroka. Murid sudah bersedia dan lebih *tampil yakin* untuk membaca buku besar secara sendiri dan menjawab soalan-soalan rangsangan yang diajukan oleh guru.

Murid-murid kini sudah boleh membaca buku besar ini secara sendiri. Perlahan-perlahan, komponen bahasa diselitkan di dalam aktiviti Mari Menguasai Bahasa. Komponen bahasa yang diajar kepada murid merupakan komponen bahasa yang terdapat di dalam buku besar. Dengan penerapan sedikit demi sedikit ini, murid diharapkan dapat menguasai bahasa Melayu sekaligus membolehkan mereka bertutur dan menulis menggunakan bahasa Melayu yang betul. Sifat cinta kepada bahasa Melayu harus diterapkan di dalam diri murid pada umur yang muda.

Penerapan pembelajaran bahasa yang berperingkat di dalam diri murid dapat membina **nadi jati** seseorang murid itu sebagai seorang Melayu. Membina identiti sebagai orang Melayu penting kerana para pelajar bahasa Melayu di Singapura kurang terdedah kepada bahasa dan budaya Melayu dalam konteks kehidupan sehari-hari. Ruang dan peluang bagi murid untuk menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan seharian selain di sekolah semakin sempit.

Sila lihat Rajah 2 bagi Lingkaran Proses pengajaran P.I.N.T.A.R.

Rajah 2: Lingkaran Proses P.I.N.T.A.R.



4.2 Metodologi Penyelidikan

Metodologi penyelidikan yang digunakan dalam pendekatan yang disarankan menerapkan beberapa langkah penting. Berikut adalah langkah-langkahnya:

1. mengenal pasti keperluan pelajar
2. menetapkan matlamat
3. menentukan program
4. melaksanakan aktiviti
5. menilai pencapaian kemahiran pelajar

Dalam peringkat mengenal pasti keperluan pelajar, langkah yang disarankan bertujuan untuk meningkatkan kosa kata pelajar. Ia juga fokus pada meningkatkan kemahiran bahasa pelajar disampai mengasah keupayaan pelajar untuk membuat andaian. Di samping itu, di peringkat ini jati diri dan sikap cinta membaca dipupuk dalam diri pelajar.

Guru juga menetapkan matlamat P.I.N.T.A.R. bagi memupuk pelajar yang produktif, inovatif, nadi jati iaitu cinta pada negara, bangsa dan budaya, berkeyakinan, aktif serta reflektif. Setelah itu, guru menentukan program dengan menggunakan buku besar sebagai bahan utama pengajaran. Dalam peringkat ini guru membina kognitif pelajar, menetapkan kumpulan sasaran dan menggunakan pendekatan kemahiran pelbagai bagi memastikan keperluan pembelajaran pelajar dipenuhi.

Dalam seterusnya, guru menjalankan aktiviti pembelajaran yang pelbagai bagi menarik minat pelajar bagi meningkatkan kemahiran berbahasa mereka berdasarkan kemahiran pelbagai. Seterus guru menilai pembelajaran dengan mengenal pasti kosa kata yang dipelajari pelajar. Guru juga menerangkan maklumat yang terdapat dalam bahan pembelajaran. Lihat Jadual 2 bagi maklumat mengenai metodologi penyelidikan.

Jadual 2: Metodologi Penyelidikan




4.3 Penilaian

Penilaian formatif dipilih sebagai alat untuk mengukur kemajuan tumbesaran dan prestasi murid-murid di dalam pembelajaran bahasa. Penilaian formatif digunakan agar pemantauan dan pemerhatian dapat dibuat secara berterusan, Penilaian diadakan di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran untuk menilai keberkesanan pengajaran guru dan pembelajaran pelajar bagi setiap tajuk yang diajar.

Guru menggunakan lingkaran penilaian seperti yang dirumuskan di bawah ini.

Rajah 3: Lingkaran Penilaian



4.4 Prinsip penilaian berterusan

Dalam melaksanakan pengajaran yang dirancang, beberapa prinsip penilaian yang melibatkan perkara-perkara berikut diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

- objektif,
 - bahan penilaian,
 - ketelusan
 - tuntutan penilaian
 - pengurusan masa.
- Sila lihat Jadual 2 bagi perinciannya.

Jadual 2: Prinsip yang perlu di dalam penilaian:

Prinsip	Keterangan yang perlu diambil berat
1. Objektif	Objektif pengajaran dan pembelajaran perlu diterangkan dengan jelas. Guru perlu tahu objektif utama dan sampingan yang hendak diraih bagi setiap pembelajaran. Guru perlu nyatakan strategi, kemahiran dan nilai yang perlu ada dalam rancangan pengajaran.
2. Bahan Penilaian	Guru menggunakan bermacam-macam bahan penilaian dan strategi pembelajaran bagi memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan stail pembelajaran mereka yang pelbagai.
3. Ketelusan	Guru perlu pastikan murid dan ibu bapa peka terhadap mod penilaian yang digunakan. Guru perlu menerangkan kehendak dan kriteria yang dikehendaki oleh penilaian tersebut.
4. Tuntutan Penilaian	Guru perlu pastikan murid dilengkapi dengan pengetahuan sedia ada yang dituntut di dalam penilaian tersebut. Murid juga harus ada kemahiran asas seperti membaca, mendengar, menulis untuk membantu mereka membuat penilaian tersebut.
5. Pengurusan Masa	Masa harus diberikan dengan secukupnya bersesuaian dengan bilangan dan tahap kesukaran soalan yang dinilai.

4.5 Tujuan Penilaian

Guru akan memainkan peranan penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran. Penilaian yang berkesan memberikan guru maklumat yang boleh membantu memperbaiki pengajaran dan pembelajaran, mengenal pasti kelemahan dan kekuatan pelajar dan memberi ruang bagi guru mengambil tindakan positif yang dapat membantu pembelajaran pelajar. Guru menggunakan penilaian untuk:

- a) mengenal pasti keupayaan dan kelemahan murid (strengths & weaknesses).
- b) mengubahsuai program/ rancangan pengajaran untuk memastikan keperluan murid dilengkapi
- c) memantau kelakonan setiap murid.
- d) memberi maklum balas kepada ibu bapa mengenai pembelajaran anak mereka.
- e) menyediakan informasi mengenai kesediaan murid dalam menghadapi peringkat pendidikan yang seterusnya.

(diterjemahkan daripada *Assessment Guidelines Primary, 2003*)

4.6 Refleksi Guru

Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, guru digalakkan membuat refleksi di setiap peringkat. Aktiviti refleksi membina kemahiran guru untuk memberikan tumpuan pada tujuan pengajaran dan pembelajaran serta kemahiran mengenal pasti keperluan pembelajaran pelajar. Berikut adalah soalan-soalan yang dapat membantu guru melakukan refleksi semasa melaksanakan pengajaran.

Jadual 3: Beberapa soalan yang perlu difikirkan pada awalan perancangan bagi setiap penilaian

Soalan-soalan	Refleksi Guru (secara keseluruhan)
1. Rancang <ul style="list-style-type: none">• Apakah objektif pembelajaran yang hendak dicapai?• Pengetahuan dan kemahiran apa yang ingin dinilai?• Kemahiran apa yang ingin diterapkan di dalam aktiviti ini?• Ciri atau kriteria apa yang harus dilihat bagi menilai kelakonan murid?	<ul style="list-style-type: none">• Apa yang guru nilai?
2. Laku <ul style="list-style-type: none">• Di manakan penilaian dijalankan?• Bagaimanakah murid-murid dipersiapkan?• Berapa banyak arahan dan langkah yang perlu diambil untuk memastikan murid memahami kehendak penilaian?• Berapa banyak masa murid perlukan untuk penilaian tersebut?	<ul style="list-style-type: none">• Sejauh manakan pengetahuan murid saya?• Apa yang boleh digunakan untuk menilai kemahiran/kelakonan murid saya?
3. Tafsir <ul style="list-style-type: none">• Bagaimana informasi yang diaih daripada penilaian itu dikaji?• Bagaimana informasi yang dijana itu digunakan sebagai maklum balas kepada ibu bapa murid?• Bagaimanakah informasi yang dijana itu hendak disampaikan kepada murid sebagai alat reflektif buat mereka?	<ul style="list-style-type: none">• Bagaimana saya membantu murid-murid saya menunjukkan pembelajaran mereka dengan berkesan?
4. Kaji <ul style="list-style-type: none">• Apakah pembaharuan/ pembaikan yang boleh dibuat kepada racangan pengajaran bagi mengkaji pembelajaran murid?• Bagaimanakah informasi yang diraih itu dapat digunakan untuk membantu murid membuat objektif pembelajarang yang baharu?	<ul style="list-style-type: none">• Apakah hasil pembelajaran yang ingin dilihat dalam diri setiap murid?• Apakah pengubah suaian yang ingin dilihat pada objektif pembelajaran setelah pemantauan dibuat?

(diubahsuai daripada Assessment Guidelines and Ideas for Primary-STELLAR, 2012)

5. DAPATAN

Setelah menjalankan pengajaran mengikut metodologi yang disarankan, guru melakukan penelitian pembelajaran. Sepanjang proses pembelajaran, guru meneliti perubahan yang berlaku pada murid. Beberapa dapatan penting daripada kajian yang dijalankan memaparkan bahawa murid meraih pengalaman pembelajaran yang berkesan dan bermakna. Sesuai dengan sasaran atau matlamat yang ingin dicapai, murid didapati lebih mampu membuat andaian-andai yang kreatif dan inovatif berdasarkan bahan bacaan buku besar yang menjadi bahan utama pengajaran. Murid didapati lebih aktif dalam pembelajaran dengan bertanyakan soalan-soalan yang relevan semasa pengajaran berlangsung. Sesi reflektif di akhir sesi Mari Meneroka membuka ruang bagi murid untuk menyatakan dan membuat refleksi mengenai setiap perbuatan dan pengalaman yang mereka lalui semasa terlibat dalam Sesi Meneroka. Jelasnya, murid bersikap lebih reflektif semasa mengikuti pengajaran yang dijalankan.

Seterusnya, didapati bahawa murid lebih yakin untuk membaca buku besar secara sendiri. Sesuai dengan objektif program, murid bertambah yakin untuk melakukan aktiviti membaca secara sendiri setelah melalui proses pembelajaran yang dirancang. Murid juga didapati lebih yakin dalam menjawab soalan-soalan rangsangan yang diajukan oleh guru tanpa perlu dipaksa atau disuruh.

Menurut pemerhatian guru, rasa cinta dan suka untuk membaca buku-buku Melayu tanpa rasa takut dapat dilihat dalam diri pelajar. Murid bertambah yakin untuk membaca buku secara sendiri dan menyatakan pendapat mengenai buku yang dibaca. Rasa cinta murid pada bahasa Melayu dapat dilihat dalam kehairahan mereka untuk membaca dan memberikan respons kepada soalan-soalan yang diajukan oleh guru.

6. KESIMPULAN

Murid-murid kurang minat membaca buku Melayu kerana mereka rasa begitu asing dengan bahasa Melayu itu sendiri. Kami percaya murid dapat menguasai pemahaman dengan lebih baik jika mereka terlibat sama dengan aktiviti yang dijalankan. Mereka tidak dapat mengaitkan apa yang dibaca dengan pengetahuan sedia ada mereka sepertimana yang dikatakan oleh Jean Piaget, seorang pakar psikologi dan ahli falsafah terkemuka di Swiss.

“Social constructivism, an educational theory originally accredited by Jean Piaget, suggests that experiences are what best fuel knowledge. When we put learning through the ultimate exercise of doing something practical, the ultimate result is a better internalization of the learning material. “

~Jean Piaget~

Penerapan STELLAR ke dalam Pakej PINTAR ini merupakan suatu pendekatan yang dapat merangsang minat murid untuk terus mempelajari Bahasa Melayu. Pada masa yang sama, penilaian berbentuk formatif diberatkan di dalam Pakej PINTAR bersesuaian dengan penilaian holistik bagi peringkat darjah rendah 1 dan 2. Murid-murid dinilai melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang menggunakan idea STELLAR.

Pakej PINTAR ini tidak lain adalah untuk menambah nilai bahan pembelajaran MEKAR yang sedia ada agar pembelajaran bahasa Melayu menjadi lebih aktif dan menyeronokkan

7. RUJUKAN

Ministry of Education Singapore MOE, Curriculum Planning and Development Division (2012), *Assessment Guidelines and Ideas for Primary 1 and 2 STELLAR*.

Ministry of Education Singapore MOE, Curriculum Planning and Development Division (2012), *Assessment Guidelines and Ideas for Primary 3 and 4 STELLAR*.

Ministry of Education Singapore (2009). *Strategies for Effective and Engaged Development of pupils in Primary Schools. Volume 2A The Leadership Perspective*.

Ministry of Education Singapore (2010). *Strategies for Effective and Engaged Development of pupils in Primary Schools. Volume 3 The Learning Perspective*.

NG Seok Moi & Claudia Sullivan (2008). *Primary Grade Children Learning English as Speakers of Other Languages in Hong Kong*.

Salhah Abdullah (2009). *Kecerdasan Pelbagai Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd, Kuala Lumpur.

Sumber Elektronik

<http://portal.jnu.edu.cn/publish/uploadFile/2970/eWebEditor/20100701070114518.pdf>